



**SENILUKIS REPRESENTATION PADA
MASYARAKAT TEMPATAN**

SAMJIS MAT JAN

**JABATAN SENI HALUS, KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA,
INSTITUT TEKNOLOGI MARA**

JANUARI 1981

Diperiksa oleh:.....

Diperiksa oleh:.....

Diluluskan oleh:.....

(Ketua Kajian, Kajian Senilukis
dan Senireka)

Thesis yang dikemukakan kepada Kajian
Senilukis dan Senireka, Institiut Tek-
noloji Mara, sebagai sebahagian daripada
kemestian untuk memperolehi Diploma
dalam Senilukis dan Senireka.

Samjis bin Mat Jan
Jabatan Senihalus,
Kajian Senilukis dan Senireka,
Institiut Teknoloji Mara.

Januari '81

Senilukis Representational pada Masyarakat Tempatan

Kandungan

Introduksi; Sedikit Latarbelakang Senilukis Representasi

Keadaan Senilukis Malaysia

Pandangan Islam Terhadap Senilukis Representational

Penutup; Ke Arah Senilukis Representasi Tempatan

Bibliografi

Introduksi: Sedikit Latarbelakang Senilukis Representasi

" A work of art is a man-made object demanding to be experienced aesthetically " adalah definisi yang ditakrif oleh seorang ahli sejarah seni yang terkenal Erwin Panofsky dalam bukunya bertajuk " Meaning in the visual art ". Penekanan aspek estatika adalah asas ciri-ciri sebuah karya senilukis. Senilukis juga mempunyai fungsi menyampaikan sesuatu idea apa yang disebut isi. Dari isi kita dapat cerminan atau gambaran yang tersirat pada permukaan 2-dimensi. Dari sinilah dengan bantuan butir-butir sejarah sesaorang itu (Ahli sejarah seni khasnya) mengetahui latarbelakang kebudayaan silam, seperti juga mengetahui peribadi sesaorang melalui keadaan zahir dan tingkah-lakunya. Dari karya-karya seni inilah gambaran-gambaran pergolakan senilukis keseluruhannya dapat dibentangkan dari awal permulaannya hingga masakini. Umumnya dalam sejarah, tarikh memainkan peranan penting; begitu juga peristiwa-peristiwa besar. Dalam sejarah seni asas yang digunakan ialah stail.

Walaupun senilukis bermula lebih awal dari seni Yunani tapi pengaruh dan kepentingannya tidak begitu jelas. Kita dapati gurisan-gurisan pada tanah, batu-batu dan kulit-kulit pokok atau mana-mana permukaan yang boleh memberi kesan-kesan gambaran di zaman yang dipanggil Paleothic iaitu lebih kurang setengah juta tahun yang silam. Kemudian menyusul zaman-zaman Mesolithic, Neolithic, Bronze dan Iron yang melampaui jarak masa sembilan ribu tahun (10,000 -- 1000 S.M.). Di sini objek-objek yang digunakan lebih

merupakan simbol-simbol bagi memberi semangat dan dorongan spiritual dalam pemburuan menghadapi penghidupan. Di-penjuru lain kita dapati pula seni purba Mesir dan Timur Tengah. Objek-objeknya melupai kesan-kesan 3-dimensi memberi gambaran penghidupan harian orang-orang Mesir dan Timur Tengah dahulu.

Seni Greek (Yunani) adalah pernyataan titik permulaan tamaddun Barat. Mulanya objek-objek seni hanya digunakan sebagai objek-objek pemujaan sahaja. tetapi sekarang skop gunaan dilanjutkan kepada masaalah seni dalam seni sendiri. Ini menjadi asas pergolakan-pergolakan seni berikutnya. Zaman Renaisans adalah zaman kelahiran semula seni Greek di Rom. Persoalan seni antara ke dua zaman ini tiada banyak bezanya. Masaalah pokok adalah hasil pengaruh-pengaruh falsafah Plato dan Socrates yang memuliakan nilai sesaorang individu dalam masyarakat. Bentuk- bentuk melambangkan idealisma zahir dan batin sebagai matlamat hidup. Keujudan sistem kadar-banding memungkinkan kepada pengiraan yang tepat membentuk objek-objek dan figura-figura yang diimpikan. Ini dapat dilihat pada arca-arca bentuk-bentuk manusia di beberapa peringkat zaman seni Yunani. Di zaman Renaisans pula kita dapati arca-arca karya Michelangelo. Lukisan-lukisan Leonardo Da Vinci, Raphael Sanzio, Masaccio, Michelangelo, El-Greco, Titian dan lain-lain menumpukan kepada tema-tema keugamaan dan dongeng. Kita kenal pada lukisan-lukisan " The Last Supper, School of Athen, dan Assumption of the Virgin " yang dicipta oleh Leonardo, Raphael dan Titian. Kita juga kenal dengan lukisan-lukisan yang terdapat pada siling Sistine Chapel di Vatican Rom.